

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 07/02/1983

Kerugian \$23 juta kilang mengetin nenas PCM dikaji

PONTIAN, 7 Feb. — Kerajaan sedang membuat kajian terperinci bagi mengetahui punca utama kilang mengetin nenas PCM, di Pekan Nenas Pontian, mengalami kerugian \$23 juta.

Menteri Perusahaan Awam, Datin Paduka Rafidah Aziz memberitahu Utusan Malaysia, FIMA yang bertanggungjawab kepada perusahaan itu telah diminta membuat kajian tersebut. **8 FEB 1983**

Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad juga berminat untuk meneliti punca kerugian itu, tambahnya.

FIMA di bawah pimpinan pengerusi barunya Datuk Haji Basir Ismail dikatakan sedang mula membuat kajian itu untuk diserahkan kepada kerajaan.

Bagaimanapun kata Datin Paduka Rafidah, kajian itu memerlukan masa dan sehingga ini pihaknya belum menerima sebarang maklumat.

Menurut menteri itu, beliau difahamkan keru-

gian yang dialami oleh kilang PCM adalah disebabkan oleh berbagai masalah teknikal dan sosial.

Antaranya ialah kurang bahan bekalan buah nenas, kerana pekebun nenas telah mula tidak berminat untuk menanam semula nenas.

Kilang PCM pula hanya mampu memproses buah nenas jenis besar dan menolak buah nenas kecil, kerana masalah jentera.

Sementara itu ahli Parlimen kawasan Pontian Haji Mokhtaram Rabidin dalam kenyataannya menyeru kepada kerajaan supaya menumpukan perhatian terhadap pemulihan ladang nenas seluas 23,000 ekar kepunyaan pekebun kecil tempatan bagi menolong mengatasi kerugian kilang PCM.

Beliau yang juga pengerusi Biro Ekonomi UMNO bahagian itu berkata, kajian yang teliti perlu dibuat terhadap sikap pekebun kecil yang kurang berminat untuk menanam semula nenas, sekalipun kerajaan telah

menaikkan bantuan tanam semula dari \$600 kepada \$1,400 seekar sekarang.

Antara faktor yang harus dikaji kata Haji Mokhtaram ialah harga buah nenas, di mana kilang PCM hanya mampu membeli dengan harga sebanyak \$11.85 sahaja sekilo, sedangkan kilang lain mampu lebih dari itu.

Kata beliau, selain dari itu kilang PCM menolak 19 peratus dari semua buah yang dihantar oleh pekebun kecil, menyebabkan pekebun kecil bosan untuk menanam nenas dan menjual kepada kilang PCM.

Kenyataan itu menyebabkan, biro UMNO ekonomi bahagian mahukan supaya selain bantuan subsidi tanam semula nenas, para pekebun nenas juga diberi subsidi penjagaan musim melawas.

Hak-milik 100 peratus kilang PCM yang dimiliki oleh FIMA dan kerajaan diserahkan ekuitinya kepada pekebun-pekebun kecil tempatan.

Dengan langkah tersebut pekebun kecil nenas bukan sahaja berminat untuk menanam nenas tetapi juga berpeluang menerima keuntungan dari perusahaan itu di masa depan.

Masyarakat Philipina contohi Mahathir

MANILA 6 Feb. — Seruan Presiden Marcos supaya para pegawai atasan kerajaan, Eksekutif Syarikat dan Jeneral memotong 10 peratus daripada gaji mereka untuk membantu kerajaan menghadapi masalah ekonomi, para kini menghadapi pasaran hangat.

Mereka yang terlibat telah mula menggelarnya "Kelab Sepuluh Peratus."

Golongan pertama yang bersetuju supaya gaji mereka dipotong 10 peratus, mulai 1 Februari lalu ialah para anggota jawatankuasa kerja kabinet. Mereka diikuti oleh para pengarah kerajaan dan syarikat-syarikat milikan atau kawalan kerajaan.

Seruan itu juga disambut oleh para eksekutif kanan sistem Insurans Perkhidmatan Kerajaan yang lebih dikenali dengan GSIS.

Bank, lain-lain syarikat swasta, malah pihak tentera juga dilaporkan bersedia menyahut seruan itu.

Sembilan puluh dua orang pegawai dan anggota biasa telah bersetuju supaya gaji mereka dipotong. Para Jeneral di Philipina memperoleh antara 3,000 peso (\$750) dengan 5,000 peso (\$1,250) sebulan.

Tindakan dari kalangan para pemimpin kanan kerajaan dan juga ketua-ketua atasan perusahaan untuk menunjukkan tauladan itu bermula apabila akhbar-akhbar di sini memuji langkah Perdana Menteri Malaysia Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad yang memulakan potongan gaji 10 peratus itu.